

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.BHG. DATO' HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

Y.Bhg. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah dan peratus sumber minyak dan gas asli yang belum lagi diterokai dan sejauh manakah hasil dari sumber minyak dan gas asli ini mampu bertahan demi kelangsungan ekonomi negara.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 1 Januari 2016, sumber yang dijumpai di Malaysia berjumlah 22.6 Billion tong minyak setara (Bboe). Jumlah sumber untuk minyak mentah dan kondensat berada pada takat 5.9 Billion tong minyak (Bstb), manakala bagi gas asli jumlah sumber adalah sebanyak 16.7 Billion tong minyak setara (Bboe) - bersamaan dengan 100.4 Trillion *standard cubic feet* (Tscf).

Berdasarkan tahap pengeluaran pada tahun 2015, di mana purata pengeluaran minyak mentah dan kondensat adalah pada tahap 654,000 tong sehari, sumber ini dianggarkan akan bertahan selama lebih kurang 25 tahun (mengikut pengiraan Indeks Jangka Hayat "*Overall Resource*" / "*Overall Resources Life Index - ORLI*"). Manakala untuk gas asli pula adalah selama 45 tahun.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, sumber minyak dan gas ini merupakan suatu sumber yang terhad biarpun aktiviti eksplorasi lapangan minyak dan gas untuk tujuan penambahan sumber merupakan suatu usaha berterusan yang dipacu oleh PETRONAS

Tidak dinafikan sumber minyak dan gas masih kekal relevan sebagai satu sumber pendapatan dan asas penjanaaan aktiviti ekonomi negara. Namun begitu, Kerajaan telah mengambil langkah aktif dengan mempelbagaikan sumber tenaga seperti tenaga boleh baharu, meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan seterusnya

mengurangkan kebergantungan ekonomi terhadap sumber bahan api berasaskan fosil. Selain itu, Kerajaan juga telah mempelbagaikan asas pendapatan Kerajaan di mana kebergantungan kepada sektor minyak dan gas telah berkurangan daripada 35.4% pada tahun 2010 kepada 21.5% pada tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
TARIKH : 24 MEI 2016
RUJUKAN : 9038

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang dan nama individu yang disekat dari memasuki Sarawak sepanjang musim Pilihan Raya Kerajaan Negeri Sarawak baru lalu dan apakah sebab halangan kemasukan itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sejumlah 43 orang telah disekat dari memasuki Sarawak sepanjang musim Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-11. Pelaksanaan ini adalah kuasa mutlak di bawah Kerajaan Negeri Sarawak.

SOALAN (73)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 MEI 2016
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

SOALAN :-

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan kes yang telah difailkan dengan tribunal pengurusan strata di setiap zon, jenis kes dan award yang telah disampaikan oleh tribunal pengurusan strata.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ibu Pejabat Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) terletak di Putrajaya dan mempunyai tiga (3) pejabat cawangan iaitu di Zon Utara, Zon Selatan dan Zon Timur. Sehingga 31 Mac 2016, sebanyak 824 kes telah difailkan dan sebanyak 170 kes berjaya diselesaikan. Pecahan mengikut zon adalah seperti berikut:-

Bil	Zon	Jumlah Kes Difailkan	Jumlah Kes Selesai
1	Ibu Pejabat (Zon Tengah)	688	165
2	Zon Utara	69	3
3	Zon Selatan	13	1
4	Zon Timur	54	1
JUMLAH		824	170

Manakala, jenis-jenis kes yang difailkan di TPPS adalah seperti berikut:-

BIL.	JENIS	JUMLAH
1.	Pertikaian atau aduan berkenaan dengan suatu kegagalan perjalanan atau pelaksanaan, atau kegagalan untuk menjalankan atau melaksanakan suatu fungsi, kewajipan atau kuasa yang diberikan.	205
2.	Kebocoran antara tingkat.	16
3.	Tuntutan bagi mendapatkan wang caj penyenggaraan atau penjelas.	587
4.	Tuntutan bagi mendapatkan perintah untuk mengubah kadar bunga yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Bersama, Perbadanan Pengurusan atau Perbadanan Pengurusan Subsidiari.	4
5.	Tuntutan bagi suatu perintah untuk menidaksahkan suatu ketetapan yang diluluskan dalam suatu mesyuarat agung.	2
6.	Tuntutan bagi suatu perintah untuk mengesahkan, mengubah atau membatalkan keputusan Pesuruhjaya.	1
7.	Pelbagai tuntutan (lebih dari satu jenis tuntutan)	9
JUMLAH BESAR		824

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016

NO. SOALAN : 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

YB. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam membangunkan aset pelancongan yang berpotensi untuk dikomersialkan dalam institusi pelancongan bagi menjana pendapatan penduduk setempat di Parlimen Kuala Selangor yang sederhana khususnya seperti Pasir Penambang, Taman Alam Kuala Selangor, Kelip-kelip Kg. Kuantan, Pantai Remis Sg. Sembilang, Bukit Melawati dan Taman Ikan Air Tawar yang merupakan ekosistem semulajadi serta menjadi tarikan pelancong luar negara malahan tempat tinggalan bersejarah.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe10) (2011 – 2015), Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM15.5 juta bagi Negeri Selangor. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM2.17 juta telah diperuntukan untuk Menaiktaraf Kemudahan Homestay Sg. Sireh, Kuala Selangor dan Peningkatan Kemudahan Kawasan Pelancongan Di Taman Alam, Kuala Selangor.

Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9) (2006 – 2010) sebanyak RM12.4 juta diperuntukan khusus untuk Kuala Selangor. Antara projek yang telah di laksanakan adalah seperti berikut ;

1. Cadangan Pembangunan Kemudahan Pusat Pelancongan Kuala Selangor (RM7,632,000). Merangkumi komponen seperti Bukit Melawati, Pasir Penambang, Pantai Remis, Sg. Sembilang dan Kelip-Kelip, Kg, Kuantan;
2. Pemasangan Lampu hiasan di Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor (RM193,500);
3. Projek Pembangunan Kemudahan Pusat Pelancongan Daerah Kuala Selangor (RM250,000). Merangkumi komponen Taman Alam, Taman Ikan Air Tawar, Bukit Melawati, dan Kelip-Kelip Kg. Kuantan;
4. Peningkatan Kemudahan Di Taman Alam, Kuala Selangor (RM2,131,309);
5. Pembangunan Pusat Kelip-Kelip di Kg. Kuantan (RM155,000); dan
6. Cadangan Membina dan Menaiktaraf Jalan-Jalan Masuk ke Produk Pelancongan di negeri Selangor (RM2,000,000).

Untuk makluman Yang Berhormat, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan telah meninjau kawasan di sekitar Kuala Selangor pada 22 Februari 2016 bagi melihat sendiri produk-produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan dan dinaiktaraf untuk dijadikan pakej pelancongan di kawasan Kuala Selangor.

Kementerian ini mengalu-alukan sebarang cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya ada produk – produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan di Kuala Selangor untuk di kemukakan dibawah *Third Rolling Plan*, RMKe11 pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN :-

- (a) jumlah nyawa rakyat Malaysia yang telah terkorban mengikut kaum semasa penaklukan Jepun ke atas Malaya pada tahun 1942 hingga 1945; dan
- (b) nyatakan tindakan yang diambil untuk memberi penghargaan kepada wira-wira yang terkorban ini.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod rasmi yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara Malaysia dianggarkan tidak lebih daripada 4,000 orang awam terkorban sepanjang 3 tahun 8 bulan pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Jumlah tersebut dinyatakan dalam "*Report on the Registration of Births and Deaths for The Year 1941 to 1946*". Statistik jumlah rakyat Malaysia yang terkorban mengikut kaum tidak dapat diberikan kerana kekurangan maklumat di zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu disebabkan rekod telah musnah akibat daripada peperangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memberi penghargaan kepada wira-wira yang telah terkorban semasa penaklukan Jepun ke atas Malaya, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mengadakan program seperti Pameran Wira Tak Dicanang di Muzium Negara dan Majlis Pengkisahan Sejarah. Selain itu, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara telah mengabadikan kisah pendudukan Jepun melalui penerbitan buku "Merdeka: Obor Suatu Perjuangan" yang menceritakan semangat nasionalisme di kalangan rakyat Malaysia dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 76

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status terkini penaiktarafan rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi generasi keempat (4G) di Labuan supaya penduduk di kepulauan ini dapat menikmati rangkaian telekomunikasi dan akses internet yang pantas seperti di kawasan Semenanjung dan bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, sebahagian kawasan di Labuan telah diliputi dengan perkhidmatan 4G dengan pengaktifan sebanyak 64 buah stesen pemancar 4G sejak tahun 2015 oleh syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan selular negara.

Peluasan perkhidmatan 4G ini akan terus diperluaskan ke kawasan lain secara berperingkat di Labuan selari dengan peluasan perkhidmatan ini di Semenanjung sehingga sasaran keseluruhan 95% liputan jalur lebar negara dapat dicapai menjelang tahun 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH : 24 MEI 2016
SOALAN :**

YB Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cara untuk memastikan standard doktor di semua peringkat adalah tinggi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan Akta Perubatan 1971, hanya doktor-doktor yang berkelulusan dari universiti yang diiktiraf dan tersenarai dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1,971 sahaja layak untuk didaftar dan mengamal di Malaysia.

Bagi tujuan program perubatan untuk disenarai di Jadual Kedua (2), ia perlu melalui proses akreditasi yang dilaksanakan oleh pihak Malaysia Qualification Agency (MQA) dengan kerjasama dari pihak Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

Hanya universiti atau program perubatan yang mematuhi standard kurikulum yang ditetapkan yang layak diberi akreditasi oleh pihak MQA untuk suatu tempoh tertentu. Setelah tamat tempoh akreditasi, program perubatan tersebut perlu melalui semula proses akreditasi.

Langkah-langkah ini dilakukan bagi memastikan pendidikan perubatan adalah memenuhi standard yang ditetapkan.

Dalam proses akreditasi, kemampuan universiti untuk menghasilkan graduan perubatan yang kompeten dinilai dengan melihat kepada pelaksanaan kurikulum yang sempurna dan juga mempunyai sumber-sumber pembelajaran yang mencukupi seperti bilangan pensyarah yang mencukupi, kemudahan makmal, kemudahan ruangan pembelajaran dan lain-lain.

Pada masa yang sama, graduan perubatan juga perlu menjalani latihan siswazah atau housemanship bagi tempoh dua (2) tahun di mana mereka ini dibimbingi oleh pakar-pakar perubatan untuk memastikan kompetensi dan standard yang ditetapkan.

Bagi mereka yang tidak berjaya menyempurnakan latihan siswazah, mereka ini tidak akan diberi pendaftaran penuh oleh MPM.